

# Program Kursus Asas Komersial : Pengurusan Harta Intelekt

 Nursakinah Binri Abd Karim



**Pada 10 - 11 Oktober 2009** yang lalu, bertempat di Dewan Kuliah Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP, seramai 27 pelajar UniMAP telah mengikuti Program Kursus Asas Komersial :

Pengurusan Harta Intelekt. Kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan serta pengetahuan bagaimanakah cara untuk memelihara dan melindungi hasil ciptaan mereka daripada ditiru atau diciplak dan apakah langkah-langkah awal yang perlu di ambil

sekiranya mereka berhasrat untuk mengkomersialkan hasil ciptaan mereka. Seperti yang sedia maklum bahawa, setiap pelajar di UniMAP perlu membuat projek

tahun akhir dengan merekacipta produk sendiri. Dan tidak dinafikan hasil ciptaan mereka ini amat membanggakan sehingga memenangi anugerah-anugerah dalam pertandingan yang disertai baik di dalam atau di luar negeri. Sehubungan itu, menurut kata penceramah juga, adalah amat wajar bagi setiap pelajar yang mempunyai produk tersendiri memelihara hasil ciptaan mereka tersebut. Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat ini, pihak Unit Keusahawanan JHEPA telah menjemput Encik Noor Mohamad Hazman Hamid dari Jabatan Perancangan dan Servis Korporat, Perbadanan Harta Intelekt Malaysia.